



Ismail Sabri meninggalkan ibu pejabat SPRM selepas memberi keterangan di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

## Ismail Sabri selesai beri keterangan 6 jam

**Putrajaya:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob selesai memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini, semalam.

Ahli Parlimen Bera itu meninggalkan ibu pejabat SPRM pada jam 5 petang, selepas enam jam memberi keterangan.

Beliau tiba di ibu pejabat suruhanjaya itu pada jam 10.55 pagi semalam menaiki kenderaan mewah berwarna hitam.

Kehadiran beliau ke ibu pejabat SPRM semalam kali kelapan berhubung siasatan mengenai kes rasuah dan pengubahan wang haram.

Ini membabitkan perbelanjaan serta perolehan dana untuk promosi serta publisiti program Keluarga Malaysia semasa tempoh perkhidmatan

beliau dari Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, sebelum ini dilaporkan berkata, siasatan SPRM terhadap kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan Ismail Sabri, dianggarkan baru sekitar 15 hingga 20 peratus.

Pada 3 Mac lalu, Azam memaklumkan, Ismail Sabri ialah suspek bagi siasatan kes rasuah serta pengubahan wang haram susulan penemuan wang tunai kira-kira RM170 juta dalam pelbagai mata wang dan 16 kilogram (kg) jongkong emas di dalam sebuah *safe house*, hasil serbuan SPRM.